



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

UCAPAN PERASMIAN

YAB. DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
MERANGKAP
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

MAJLIS PERASMIAN KEMPEN BIJAK AIR MADANI

LOJI RAWATAN AIR SUNGAI LANGAT 2

11.00 PAGI

KHAMIS, 8 MEI 2025

Bismillahirrahmanirrahim

(Salutasi)

Assalamu'alaikum w.b.t. dan Salam Malaysia Madani.

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat bersama-sama menghadiri Majlis Perasmian Kempen Bijak Air Madani Peringkat Kebangsaan pada hari ini.
2. Majlis anjuran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ini, merupakan satu inisiatif yang saya anggap bukan sahaja penting, malah sangat bertepatan dengan keperluan pada masa ini, iaitu ketika negara menghadapi isu-isu perubahan iklim yang mengancam keterjaminan bekalan air.
3. Seterusnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak SPAN kerana terus komited, konsisten dan progresif dalam melaksanakan usaha mendidik rakyat Malaysia mengenai kepentingan menjimatkan air serta menjaga sumber air kita dengan penuh tanggungjawab. Saya amat berbesar hati melihat penglibatan para pelajar pada hari ini kerana anak-anak ini dapat didedahkan dengan nilai dan tanggungjawab terhadap kelestarian air.
4. Usaha berterusan seperti ini wajar dipuji kerana ia mencerminkan kesungguhan agensi pengawal selia nasional dalam memastikan kelestarian air dipertahankan bukan sekadar dari aspek dasar dan perundangan, tetapi juga dari sudut pendidikan awam, advokasi akar umbi dan pembudayaan sikap.

5. Dalam konteks ancaman keterjaminan air yang semakin kritikal, usaha SPAN ini wajar dicontohi oleh semua pihak – bahawa menjaga air adalah satu amanah nasional yang menuntut penglibatan, kesedaran dan tanggungjawab bersama.

KETERJAMINAN AIR SEBAGAI KEUTAMAAN KERAJAAN MADANI

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

6. Berbanding hanya dilihat sebagai kemudahan harian, ***air sebenarnya adalah nadi kehidupan dan kemajuan sesebuah negara***. Firman Allah S.W.T dalam ayat 30, surah al-Anbiya' yang menjelaskan dengan maksudnya bahawa "...dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup, maka mengapa kamu tidak mahu beriman?". Ayat ini menunjukkan betapa air memainkan peranan yang penting dalam kejadian pelbagai makhluk Allah SWT dan untuk itu, makhluk tersebut juga berhajat terhadap air.

7. Keterjaminan air amat penting demi untuk kelangsungan hidup, menjadi asas kepada keterjaminan makanan, menggerakkan sektor ekonomi, menyuburkan sektor pertanian, menyokong sistem kesihatan, menjana tenaga dan kelestarian alam sekitar. ***Tanpa air yang mencukupi, bersih dan selamat, segala perancangan pembangunan negara akan terbantut.***

8. Namun, hari ini kita berhadapan dengan cabaran yang amat nyata. Malaysia, meskipun diberkati dengan kadar hujan yang tinggi turut terkesan dengan perubahan iklim. Keterjaminan air semakin terancam akibat pencemaran sungai oleh sisa industri, pembuangan bahan kimia, pembangunan yang tidak terkawal, serta permintaan yang terus meningkat

seiring pertambahan penduduk dan urbanisasi. Kesan perubahan iklim pula menjadikan keadaan lebih kompleks — banjir besar di luar musim, dan gangguan terhadap sumber air mentah yang mana semuanya memberi impak kepada sistem bekalan air negara.

9. Apa yang lebih membimbangkan kita adalah sikap yang tidak mengamalkan penjimatan air, pembaziran air yang berleluasa, pembuangan sampah di sungai, infrastruktur yang ketinggalan zaman, dan tahap kesedaran awam yang masih rendah menjadikan cabaran ini semakin meruncing.

10. Sebab itulah, saya sekali lagi ingin ***menegaskan dengan penuh keprihatinan: keterjaminan air mesti dijadikan sebagai keutamaan nasional***. Melalui pelancaran ***Pelan Hala Tuju Transformasi Air 2040 (AIR2040)***, kita telah meletakkan satu kerangka strategik dan holistik untuk mentransformasi sektor air negara. AIR2040 memberi tumpuan kepada pemodenan infrastruktur air, penyelidikan terhadap punca pencemaran, penggunaan teknologi baharu seperti penuaian air hujan dan sistem rawatan semula air, serta kerjasama merentas sektor bagi memastikan air bukan sahaja mencukupi, malah kekal lestari untuk generasi akan datang.

11. Agenda ini adalah selari dengan visi Malaysia MADANI yang menekankan aspek **kemampanan, kesejahteraan dan keterjaminan**. Kita perlukan usaha dan pendedahan yang meluas mengenai betapa pentingnya keterjaminan air kerana semua kebimbangan yang dinyatakan sebelum ini memberi kesan antara generasi. Kita boleh dikatakan berhutang kepada generasi akan datang untuk melaksanakan usaha sekarang yang boleh menjadikan kehidupan masa depan mereka lebih baik daripada kita.

12. Justeru itu, Kementerian kini giat memperkukuhkan penguatkuasaan terhadap pencemaran sumber air dengan meminda Akta Industri

Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655), memperluas sistem pemantauan di setiap lokasi, serta memperkenalkan pelbagai inisiatif pendidikan dan kempen kesedaran termasuklah kempen Bijak Air Madani. Ini semua adalah usaha bersepadu untuk memastikan bahawa setiap titisan air dijaga dan tidak dibazirkan.

13. Kini tiba masanya kita semua – kerajaan, industri, komuniti dan individu – bangkit dan bertindak. Keterjaminan air bukan hanya soal kemudahan, ia adalah soal masa depan generasi muda kita.

MATLAMAT KEMPEN BIJAK AIR MADANI

Hadirin Hadirat yang Dihormati Sekalian

14. Berlandaskan aspirasi nasional untuk menjamin keterjaminan air negara, ***Kempen Bijak Air Madani yang bakal dilancarkan hari ini membawa satu dimensi baharu yang menyeluruh***, progresif dan berimpak tinggi. Ia bukan sekadar kempen komunikasi biasa — tetapi sebuah gerakan nasional yang menuntut kesedaran, tindakan, dan tanggungjawab kolektif seluruh rakyat Malaysia.

15. Dirangka atas empat ***tonggak utama iaitu, Sustainability (Kelestarian), Preservation (Pemeliharaan), Advocacy (Advokasi), dan Nurture (Asuhan)*** — Kempen Bijak Air Madani menyatukan pendidikan, penglibatan pelbagai pihak dan perubahan tingkah laku secara menyeluruh.

16. Pendidikan tentang kelestarian bukan lagi pilihan, tetapi tuntutan masa — kerana tabiat kita hari ini akan menentukan nasib generasi akan datang. Saya dengan sukacitanya menyeru setiap individu untuk menjadi agen perubahan dengan sama-sama menggunakan air secara berhemah.

17. Generasi muda sebagai pemimpin masa depan perlu didedahkan dalam pemuliharaan air melalui program pendidikan dan platform kreatif seperti Pertandingan Video Pendek BijakAir.

18. Saya amat menghargai komitmen SPAN yang bukan sahaja mendukung aspirasi AIR2040, malah turut menggerakkan kempen ini dengan ***visi yang jelas — untuk mengubah persepsi terhadap air daripada kemudahan yang sentiasa ada, kepada sumber kehidupan dan tenaga yang amat bernilai, yang mesti diurus dengan bijaksana.*** Ini bukan sahaja menyentuh soal pemuliharaan, tetapi juga keterjaminan air – memastikan bekalan yang bersih, cukup, selamat dan mampan.

19. Kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan ***mencetuskan anjakan budaya*** supaya kita semua — kerajaan, syarikat air, sekolah, NGO, komuniti, sektor swasta dan rakyat biasa — bersama-sama menghargai setiap titisan air. Hanya melalui kesedaran yang meluas dan perubahan yang menyeluruh, kita mampu membina masa depan yang lebih lestari dan tahan diuji.

20. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para pemenang Pertandingan Video Pendek BijakAir. Anda bukan sekadar pemenang pertandingan, anda adalah suara perubahan. PETRA melalui SPAN menyokong pelaksanaan AIR2040 – yang merangkumi pelaburan dalam infrastruktur mampan, penyelidikan terhadap isu pencemaran, serta penggunaan teknologi seperti kitar semula air dan penuaian air hujan. Namun kita sedar bahawa ***pelan yang baik memerlukan perubahan sikap dan penglibatan masyarakat secara menyeluruh.***

AIR TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

21. Sebagai penutup bicara saya pada pagi yang bermakna ini, izinkan saya tegaskan bahawa ***majlis hari ini bukan sekadar satu pelancaran, tetapi titik tolak kepada satu gerakan yang lebih besar***. Kempen Bijak Air Madani yang kita lancarkan hari ini berdiri seiring dengan pelbagai inisiatif serantau dan global yang turut mengangkat agenda pemuliharaan air dan keterjaminan sumber alam. Dari kempen “*Every Drop Counts*” di Singapura, ke program “*Water for Life*” di Eropah dan gerakan UN Water Action Decade di peringkat antarabangsa, dunia sedang bersatu untuk menangani krisis air global — dan hari ini, Malaysia meletakkan satu permulaan bahawa kita juga serius dan komited terhadap perjuangan ini.

22. Kempen Bijak Air Madani mengambil satu pendekatan yang menyeluruh — bukan hanya dari aspek komunikasi, tetapi dari segi pembinaan budaya, pendidikan akar umbi, dan penglibatan menyeluruh merentas masyarakat. Ia menjadikan ***setiap individu sebagai agen perubahan dan meletakkan air sebagai tanggungjawab bersama***. Selain itu, Kempen BijakAir Madani bermatlamat untuk menjadi jambatan yang menghubungkan dasar negara dengan perubahan tingkah laku rakyat.

23. Saya ingin menyeru semua yang hadir, dan seluruh rakyat Malaysia supaya menjadikan Bijak Air sebagai gaya hidup dan semangat kebangsaan, bukan sekadar kempen. Marilah kita tanam dalam diri dan dalam komuniti kita kesedaran bahawa air adalah nadi kehidupan, dan setiap titis yang kita jimatkan adalah harapan untuk masa depan yang lebih terjamin dan berkat.

24. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Kempen Bijak Air Madani peringkat Kebangsaan. Semoga kempen ini menjadi pemangkin kepada transformasi nasional dalam membina masyarakat yang lebih bijak, lebih lestari, dan lebih bertanggungjawab terhadap air – sumber kehidupan yang tiada galang gantinya.

"Setiap titisan air yang diijimat hari ini adalah pelaburan untuk kelangsungan hari esok - Bijak Guna Air, Kekal Lestari"

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.